



Lembaga Minyak Sawit Malaysia
MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)



Bil Tuan / Your Ref. :

Bil. kami / Our Ref. :

(01)04/C/656/2 Jil.2/2009

5 Mac 2009

Pk (EF) MPOB 01/2009

9-12 November 2009
KLCC, Malaysia

PALM OIL
Balancing Ecologics
with Economics

**Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Buah Kelapa Sawit
Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Pelumat Isirung Sawit**

Tuan,

**PENGUATKUASAAN PERINTAH LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
(SES) (PINDAAN) 2009 KE ATAS KATEGORI KILANG BUAH KELAPA
SAWIT (MF) DAN KILANG PELUMAT ISIRUNG SAWIT (CF)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, sebagaimana kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 35 Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582), YB Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi setelah berunding dengan Menteri Kewangan membuat suatu perintah bernama **Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Pindaan) 2009 [P.U.(A) 90/2009]** yang mula berkuatkuasa pada 1 Mac 2009.

3. Perenggan 3 Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2001 [P.U.(A)115/2001] adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "empat ringgit" dengan perkataan "dua ringgit". Jumlah kadar ses minyak sawit mentah yang perlu dibayar mulai **1 Mac 2009** oleh seseorang yang mengeluarkan minyak sawit mentah adalah sebanyak **RM2.00 (Ringgit Malaysia : Dua Sahaja)** atas tiap-tiap tan metrik atau sebahagian daripada suatu tan metrik minyak sawit mentah yang dikeluarkan olehnya. Bersama-sama ini dilampirkan **Pekeliling Penguatkuasaan (Penguatkuasa) MPOB 01/2009 [Pk (EF) MPOB 01/2009]** yang memperincikan peruntukan Perintah tersebut.



Visit MICCOS 2009

13 - 16 August 2009

Malaysia International Commodity Conference & Showcase
Opportunities In Commodities : Dynamic, Sustainable and Homegrown
www.miccoss.com.my

MAEPS
Serdang Selangor

4. Sehubungan dengan itu, kadar bayaran ses sebanyak RM2.00 (Ringgit Malaysia : Dua Sahaja) hendaklah diambilkira untuk tujuan pengiraan ses ke atas kuantiti pengeluaran minyak sawit mentah untuk bulan Mac 2009 dan seterusnya. Pihak tuan dikehendaki mematuhi peruntukan undang-undang di bawah Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Pindaan) 2009 [P.U.(A) 90/2009] dan sila ambil maklum bahawa Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2000 [P.U. (A) 154/2000] masih berkuat kuasa.

5. Pihak Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menggalakkan tuan membuat bayaran SEGERA ses yang kena dibayar untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

“MESRA, ADIL TEGAS DAN AMANAH”

Yang benar,



DATO' DR MOHD BASRI WAHID
Ketua Pengarah
MPOB

- s.k. i. Setiausaha Eksekutif MPOA
ii. Setiausaha Eksekutif POMA
iii. Setiausaha Eksekutif MEOMA
iv. Setiausaha Eksekutif EMPA
v. Yang Dipertua PKPKM
vi. Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan)
vii. Pengarah Pengurusan Kewangan dan Pembangunan
viii. Pengarah Ekonomi dan Pembangunan Industri
ix. Semua Ketua Wilayah

| |
|---|
|  LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN PEKELILING PENGUATKUASAAN (PENGUATKUASA) MPOB |
|---|

Rujukan Pekeliling :Pk (EF) MPOB 01/2009
 Tarikh Kuatkuasa :1 Mac 2009
 Perkara :**PENGUATKUASAAN PERINTAH LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (SES) (PINDAAN) 2009 KE ATAS KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF) DAN KILANG PELUMAT ISIRUNG SAWIT (CF)**

1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Pindaan) 2009 ke atas pengeluar minyak sawit mentah iaitu kategori kilang buah kelapa sawit (MF) dan kilang pelumat isirung sawit (CF).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2001 [P.U.(A) 115/2001] telah diwarta dan dikuatkuasakan pada 1 Mei 2001. Ses di bawah Perintah ini dikenakan ke atas pengeluar minyak sawit mentah iaitu kategori MF dan CF. Kadar ses minyak sawit mentah yang perlu dibayar di bawah Perintah ini oleh seseorang yang mengeluarkan minyak sawit mentah adalah sebanyak RM4.00 (Ringgit Malaysia : Empat Sahaja) atas tiap-tiap tan metrik atau sebahagian daripada suatu tan metrik minyak sawit mentah yang dikeluarkan olehnya.
- 2.2 Walaubagaimana pun, setelah kajian dibuat dan pandangan industri kelapa sawit diambil kira dalam pengenaan ses ini, suatu pendekatan telah diambil dan kerajaan telah memutuskan bahawa perenggan 3, Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2001 [P.U.(A) 115/2001] perlu dipinda dengan mengambilkira situasi harga minyak sawit mentah pada masa kini.
- 2.3 Susulan daripada itu, sebagaimana kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 35 Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582), YB Menteri Perusahaan Perludungan dan Komoditi setelah berunding dengan Menteri Kewangan membuat suatu perintah bernama **Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Pindaan) 2009** [P.U.(A)90/2009].
- 2.4 Perenggan 3 Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2001 [P.U.(A)115/2001] adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "empat ringgit" dengan perkataan "dua ringgit". Jumlah kadar ses minyak sawit mentah yang perlu dibayar mulai **1 Mac 2009** oleh seseorang yang mengeluarkan minyak sawit mentah adalah sebanyak **RM2.00 (Ringgit Malaysia : Dua Sahaja)** atas tiap-tiap tan metrik atau sebahagian daripada suatu tan metrik minyak sawit mentah yang dikeluarkan olehnya.

JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN WISMA SAWIT

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
 Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpos.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PENGUATKUASA)
MPOB**

3.0 PINDAAN PERINTAH SES

3.1 Kuat kuasa

- Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Pindaan) 2009 telah diwarta pada 28 Februari 2009 dan mula berkuat kuasa pada **1 Mac 2009**. Bersama ini dilampirkan salinan Perintah tersebut, rujuk **Lampiran 1**.

3.2 Pihak terlibat

- Ses di bawah Perintah ini dikenakan ke atas pengeluar minyak sawit mentah iaitu kategori kilang buah kelapa sawit (MF) dan kilang pelumat isirung sawit (CF).

3.3 Minyak sawit mentah

- Minyak sawit mentah telah ditafsirkan sebagai minyak sawit dalam bentuk mentah yang berasal atau yang diekstrak daripada perikarpa buah kelapa sawit, dan termasuklah minyak sawit dalam bentuk mentah yang berasal atau yang diekstrak daripada isirung buah kelapa sawit.

3.4 Kadar ses

- Perenggan 3 Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2001 [P.U.(A)115/2001] adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "empat ringgit" dengan perkataan "dua ringgit". Jumlah kadar ses minyak sawit mentah yang perlu dibayar mulai **1 Mac 2009** oleh seseorang yang mengeluarkan minyak sawit mentah adalah sebanyak **RM2.00 (Ringgit Malaysia : Dua Sahaja)** atas tiap-tiap tan metrik atau sebahagian daripada suatu tan metrik minyak sawit mentah yang dikeluarkan olehnya.

3.5 Pembayaran

- Pembayaran ses hendaklah dibuat kepada Lembaga sebelum hari terakhir setiap bulan atas minyak sawit mentah yang dikeluarkan oleh kilang buah kelapa sawit (MF) dan kilang pelumat isirung sawit (CF) dalam bulan sebelumnya. Ini bermakna, bayaran ses untuk pegeluaran minyak sawit mentah bulan Mac 2009 pada kadar RM2.00 (Ringgit Malaysia : Dua Sahaja) atas tiap-tiap tan metrik atau sebahagian daripada suatu tan metrik minyak sawit mentah yang dikeluarkan olehnya hendaklah dibayar kepada Lembaga pada atau sebelum 30 April 2009.

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PENGUATKUASA)
MPOB**

4.0 PEMAKAIAN

Pekeling Penguatkuasaan (Penguatkuasa) MPOB 01/2009 [Pk (EF) MPOB 01/2009] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori kilang buah kelapa sawit (MF) dan kilang pelumat isirung sawit (CF).

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai 1 Mac 2009.

6.0 PENGESAHAN & KELULUSAN

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Mohd Basri Wahid".

DATO' DR MOHD BASRI WAHID
Ketua Pengarah
MPOB

Tarikh: 5 Mac 2009

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpoj.gov.my>